

04/10/2000

Hubungan Kuala Lumpur-Britain terbaik

Azman Abdul Hamid

LAWATAN terbaru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke London mulai semalam, pada asasnya memberi penekanan kepada hubungan dua hala Malaysia-Britain dan menunjukkan sikap beliau yang mengambil berat hal ehwal dan hala tuju pelajar Malaysia pada masa depan.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mengambil peluang untuk 'menjernihkan keadaan' dengan media Britain berhubung isu dan dasar pentadbiran beliau, selain berdialog dengan pemimpin Islam di sini mengenai perkembangan dunia Islam.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, hari ini, misalnya memberi peluang kepada beliau bertukar-tukar pandangan dengan rakan sejawatannya. Dari segi hubungan dua hala, hubungan Kuala Lumpur dan London boleh dikatakan berada dalam keadaan terbaik.

Perbincangan beliau dan Blair tentunya sedikit sebanyak memberi tumpuan kepada hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Dalam taklimat kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan Perdana Menteri, kelmarin Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohd Amir Jaafar, menyifatkan kedua-dua negara mendapat faedah daripada hubungan dagangan dua hala yang sihat.

"Dari segi pelaburan, syarikat Britain sentiasa berminat untuk melabur di Malaysia dan saya tidak pernah menerima aduan daripada firma tempatan mengenai suasana pelaburan di negara kita," katanya.

Perbincangan Dr Mahathir dan Blair tentu menepati tema persidangan pemimpin awam dan korporat kedua-dua negara bertajuk "Rakan Kongsi Malaysia-British pada Abad 21".

Minat mendalam terhadap pelaburan di Malaysia terbukti dengan penyertaan Setiausaha Perdagangan dan Industri Britain, Stephen Byers dan pemimpin korporat Britain seperti Pengerusi Asia House, Melville Guest; Pengerusi Standard Chartered PLC, Sir Patrick Gilam dan Timbalan Pengerusi CMG PLC, Clay Brendish.

Malaysia menunjukkan minat yang sama. Delegasi yang mengiringi Perdana Menteri kali ini dikatakan sebagai yang terbesar. Delegasi Malaysia diketuai Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz; Pengerusi Koridor Raya Multimedia, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Pengerusi ISIS Malaysia, Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

Minat kedua-dua pihak pastinya berpunca daripada kemajuan Malaysia mengatasi krisis ekonomi dan ini ditunjukkan menerusi nilai import dan eksport dua hala. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai barangan Britain yang dieksport ke Malaysia meliputi tempoh Januari hingga Julai lalu mencecah RM3.604 bilion. Manakala nilai barang yang dieksport oleh Malaysia ke Britain mencapai RM6.627 bilion.

Dr Mahathir juga menunjukkan sikap yang sentiasa mengambil berat hal ehwal pelajar Malaysia di Britain dan seperti juga kunjungan lalu, lawatan kali ini memuatkan pertemuan dengan pelajar negara.

"Perdana Menteri mahu memberi penerangan kepada mereka mengenai perkembangan di tanah air supaya mereka memahami hal ehwal semasa. Pelajar bukan kumpulan sasaran. Ini satu rutin kerana menteri yang lain juga menemui pelajar di beberapa tempat termasuk Leeds dan Edinburgh dan berbincang dengan mereka mengenai keadaan di negara sendiri," katanya.

Mengesahkan keprihatinan Perdana Menteri mengenai pelajar Malaysia, beliau menerima jemputan Persatuan Malaysia Universiti Cambridge (CUMAS) untuk memberi ucapan bertajuk 'Malaysia pada Alaf Baru'.

Dr Mahathir dijangka menggariskan wawasannya mengenai perkembangan negara pada masa depan dan bagaimana pelajar yang bakal menjadi pemimpin dapat membantu memenuhi aspirasi negara, bangsa dan agama.

Apapun, sebagai seorang wartawan, mungkin agenda paling menarik Perdana Menteri kali ini ialah pertemuan beliau dengan eksekutif dan ketua pengarang Financial Times, Richard Lambert, hari ini. Malangnya, pertemuan itu adalah secara tertutup. Apa yang pasti, Financial Times tentu menyiarkan petikan soal jawab eksklusifnya dengan Perdana Menteri.

Apapun, bukanlah sesuatu yang baru bahawa media Britain, seperti juga rakan mereka di negara Barat lain memegang sikap anti-Mahathir sejak lama dulu yang tiba pada kemuncaknya dalam isu hukuman terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sejak mula Anwar ditahan sehingga dihukum penjara, media Barat memberi tafsiran bebas dan sesuka hati terhadap proses perundangan Malaysia. Isu berkenaan juga mungkin timbul apabila Dr Mahathir mengadakan dialog dengan anggota Majlis Muslim Britain.

Amir berkata, sebenarnya, beberapa persatuan Islam di Britain sudah lama berminat untuk berbincang dengan Perdana Menteri yang menekankan kerjasama di kalangan negara Islam.

"Apa yang penting, Dr Mahathir dapat memberi analisis beliau mengenai apa juga isu yang dibangkitkan," katanya.

(END)